

25 JAN 1999
WEF-MAHATHIR
MAHATHIR JADI TUMPUAN DUNIA KHAMIS INI

Oleh: Yong Soo Heong

KUALA LUMPUR, 25 Jan (Bernama) -- Khamis ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan sekali lagi menjadi tumpuan dunia apabila beliau berucap pada Forum Ekonomi Dunia (WEF) di Davos, Switzerland.

Majlis peringkat tinggi di bandar peranginan ski Switzerland ini akan menandakan bermulanya lawatan pertama Perdana Menteri di seberang laut bagi tahun ini.

Dr Mahathir, yang terkenal dengan komen-komen bernas mengenai berbagai-bagai isu antarabangsa, telah diundang untuk berucap pada mesyuarat tahunan negarawan, pemimpin-pemimpin perniagaan dan tokoh-tokoh akademik tersebut, yang bertujuan membentuk agenda global bagi alaf akan datang.

Para pemerhati percaya undangan bagi Dr Mahathir untuk berucap di perhimpunan yang ternama ini menjadi satu lagi kebanggaan beliau di tengah-tengah kecaman hebat yang dilemparkan kepada cara-cara kerajaan menangani krisis ekonomi serantau sebelum ini.

Mereka merasakan bahawa undangan jemputan ini mencerminkan beberapa isu utama. Pertama ia membuktikan sanjungan berterusan terhadap ketokohan Dr Mahathir di kalangan pemimpin-pemimpin dunia dan bahawa beliau boleh menyumbang ke arah dunia yang lebih saksama, isu yang sentiasa diutarakannya.

Kedua, adalah dirasakan bahawa ramai pengkritik Malaysia telah menerima hakikat bahawa negara ini telah berjaya mengharungi onak dan duri.

Akhir-akhir ini, keyakinan pelabur dan pengguna telah meningkat manakala rizab luar negara Malaysia telah bertambah teguh, berikutan prestasi eksport yang tinggi.

Misalnya, Stephen Taran, pengarah urusan dan ketua bahagian risiko Salomon Smith Barney, penasihat kewangan kerajaan, berkata pemulihan ekonomi Malaysia berjalan lancar tahun ini, begitu juga program pembangunan Wawasan 2020.

Katanya, kestabilan telah dicapai ekoran beberapa perubahan dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan lewat tahun lalu.

WEF, yang diwujudkan 30 tahun lalu, telah menjadi penggerak utama dalam mengenal pasti arah aliran baru dalam bidang ekonomi, politik, sosial dan kebudayaan. Badan ini memainkan peranan yang penting dalam merangka strategi dan tindakan bagi badan-badan korporat dan kerajaan untuk menyepadukan perubahan dan menggunakan potensinya secara maksimum.

Tema WEF tahun ini -- "Responsible globality: managing the impact of globalisation" (Pensejagatan bertanggungjawab: menguruskan kesan globalisasi) -- nampaknya diciptakan khusus untuk Dr Mahathir. Tajuk ini memang digemari oleh Perdana Menteri.

Dr Mahathir sentiasa lantang menyuarakan perlunya diadakan peraturan bagi menguruskan kuasa-kuasa globalisasi. Baru-baru ini Perdana Menteri berkata walaupun Malaysia telah bersedia untuk membuka sempadan-sempadannya, namun ia tidak bersedia untuk menangani masalah-masalah yang timbul berikutan tindakan membuka sempadan.

Malaysia telah pernah merasakan kesan globalisasi apabila modal ditarik keluar dari negara ini tatkala nilai ringgit jatuh akibat perbuatan penyangak spekulasi.

Ketika membidas kuasa-kuasa pemusnah aliran modal, Dr Mahathir juga berkata bahawa Malaysia tidak menjangkakan pergerakan sedemikian dan dengan demikian negara ini tidak bersedia untuk menangani

penyelewengan-penyelewengan ini.

Katanya, mujurlah Malaysia dapat membendung kemelut ini dalam empat bulan yang lalu dan ini dicapai terutamanya melalui program-program ekonomi, termasuk kawalan pertukaran berpilih, satu langkah yang pada mulanya menerima cemuhan daripada pengulas-pengulas Barat.

Bagaimanapun, kelembapan ekonomi Brazil baru-baru ini menunjukkan bahawa ada merit pada apa yang dilakukan oleh Malaysia dan apa yang dikatakan oleh Dr Mahathir tentang kepincangan "reformasi" yang dianjurkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Dr Mahathir, yang berpendapat bahawa globalisasi adalah sesuatu yang baik jika ia dikawal selia seperti juga aliran modal yang dikawal selia, dijangka memberitahu pendengar-pendengarnya tentang apa sebenarnya yang telah dilakukan oleh Malaysia.

Gail G. Billinton, ketua meja Asia majalah mingguan "Economic Intelligence Review", yang berpangkalan di Washington, berkata model Malaysia ini sedang dikaji oleh beberapa buah negara Eropah Timur.

"Apa yang telah dilakukan oleh Malaysia merupakan satu model yang menarik bagi negara-negara lain," kata beliau.

Selain menjadi tempat mesyuarat tahunan WEF diadakan, Davos juga terkenal sebagai pusat perubatan bagi rawatan penyakit-penyakit berkaitan paru-paru.

Para pemerhati berharap mesyuarat tahun ini akan menghirup udara segar bagi membentuk sebuah dunia yang lebih saksama.

-- BERNAMA

SHY KY MA